

# Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam: Satu Penilaian Semasa

Mohd. Noor bin Deris

*Abstract: The Malaysian Government has recently introduced the policy of practising the Islamic values, basically, to cultivate the value in the administration and to make them part of the national culture. Practically, there will not be much problem for the non-Muslims in the country to accept the above values as they are universal in nature and suitable for all levels of the Malaysian society. The article tries to evaluate the effectiveness of the policy by investigating a number of programmes initiated based on it.*

## **Pendahuluan**

Setelah sepuluh tahun lebih Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam (DPNI) diperkenalkan, kini ramai di kalangan anggota masyarakat yang prihatin terhadap pembangunan ummah bertanya-tanya apakah kesan dari pelaksanaan dasar itu yang boleh dibuktikan sebagai suatu usaha yang ikhlas untuk membentuk satu negeri atau satu masyarakat yang benar-benar unggul, bermaruah dan bermoral. Asas perbincangan tulisan ini ialah perkara yang berkaitan dengan penilaian semasa dari persepsi penulis.

## **Pencapaian dan Masalah Pelaksanaan**

Buat masa ini belum dapat dipastikan tahap pencapaian dasar ini dan kajian sistematik juga belum dijalankan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam

pelaksanaannya. Terdapat dua akibat keadaan di atas.

Pertama, dasar ini baru diperkenalkan. Walaupun perbincangan umum mengenai penerapan nilai-nilai Islam telah lama wujud tetapi dasar mengenainya dalam bentuk yang boleh dikatakan konkrit hanya setelah teredarnya buku kecil Siri 2 bertajuk *Beberapa Konsep tentang Nilai-nilai Islam*.<sup>1</sup>

Kedua, dasar ini pada hakikatnya bertujuan mengubah atau mengukuhkan nilai-nilai hidup manusia. Lazimnya tujuan seperti ini sukar dicapai dalam jangka masa yang pendek lebih-lebih lagi di kalangan mereka yang mempunyai nilai-nilai hidup lain yang telah sebatan dengan jiwa mereka. Dalam keadaan begini, masa yang lama diperlukan untuk membantu usaha melaksanakan dasar ini secara perlahan-lahan.

Masyarakat Malaysia terdiri dari pelbagai kaum dan anutan agama dianggap antara yang unik di mata dunia. Sesungguhnya isu-isu yang berkaitan dengan agama memang dianggap sebagai perkara sensitif, kerana ia menyentuh soal aqidah atau anutan kepercayaan yang berbeza. Ia boleh mempengaruhi bentuk tindakan seseorang atau kumpulan sesuatu penganut itu. Sekiranya nilai-nilai budaya seumpama ini dibiarkan menurut sentimen perkauman atau agama, pastinya ia akan menyebabkan berlaku kacau bilau atau ketidaktenangan dalam negara. Dalam hal ini masyarakat Malaysia sewajarnya memahami maksud Dasar Penerapan Nilai-nilai murni yang dilancarkan oleh Perdana Menteri sejak awal tahun lapan puluhan itu.<sup>2</sup>

Dikaji dari sudut wawasan negara, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa penerapan nilai-nilai Islam sebenarnya satu wawasan yang bersesuaian dengan tuntutan Islam. Ia merupakan pembaharuan dan perancangan rapi terhadap langkah-langkah dan beberapa program untuk mencapai cita-cita mewujudkan sebuah masyarakat baru yang benar-benar menghayati Islam secara menyeluruh dan bersungguh-sungguh.

Tidak dapat dinafikan bahawa cita-cita menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, aman, bahagia di bawah naungan keampunan dan rahmat Tuhan adalah ertesesuaian dengan kehendak Islam dan bertepatan dengan keinginan seluruh warga Malaysia. Wawasan ini adalah penting, malah ianya adalah sebahagian dari tuntutan fardhu kifayah. Imam Ghazali menyebut dalam kitabnya "*Ihya' Ulum al-Din*",<sup>3</sup> bahawa setiap bidang yang menjadi keperluan sesebuah masyarakat dan negara Islam adalah termasuk dalam bidang fardhu kifayah, seperti perubatan, matematik, pertanian, perusahaan, ekonomi, pertahanan dan sebagainya.

Cita-cita menjadikan masyarakat maju, aman bahagia bukan perkara baru dalam Islam. Ia merupakan warisan dari cita-cita dan perjuangan para nabi. Sebagai contoh yang menjadi ikutan kita ialah Rasulullah s. 'a.w. Kejayaannya bukan sekadar menyebarkan Islam, membangun masyarakat dan mementingkan kuantiti umat, malah lebih dari itu mementingkan kualiti sebenar yang dikehendaki oleh Allah (s.w.t.). Setiap yang memeluk Islam dipastikan dapat menghayati iman. Dari Islam dan iman lahir amal-amal salih yang berguna kepada insan untuk membina penghidupan dunia dan akhirat. Penghidupan yang dihiasi dengan akhlak-akhlak Islam, nilai-nilai hidup yang berteraskan kepada syariat Allah. Dengan itulah Islam telah berjaya mencipta tamadun dan mampu mempertahankan tamadunnya begitu lama. Kemajuan yang dicapai oleh nabi Muhammad s. 'a.w. adalah tamadun yang bersifat syumul demi kejayaan di dunia

dan di akhirat. Kemajuan yang diasaskan di atas asas yang kukuh. Asas tawhid menjadi tunggak kepada penghidupan sebenar. Mardhatillah menjadi nadi dalam pembangunan umat. Yang lari dari tawhid dan menyimpang dari keredhaan Allah, akan menjerumuskan manusia kepada kehancuran. Lambang tauhid yang diperjuangkan oleh Muhammad Rasulullah s. 'a.w. adalah lambang sejagat yang manusia seluruhnya tidak boleh lari daripadanya. Daripada Allah manusia datang dan kepada Allah mereka akan kembali. Untuk apa kejayaan di dunia yang sementara kalau ianya untuk menghadapi kesengsaraan terus menerus selepas mati. Jika penerapan nilai-nilai Islam ditanggapi sebagai wawasan, maka untuk terlibat secara aktif dan bermakna dalam mencapai objektif dan matlamatnya yang lebih luas dan menyeluruh itu, setiap insan di bumi Malaysia perlulah juga mengadakan "*redefinition*" atau pentakrifan kembali tentang peranannya yang lebih luas dan menyeluruh. Dalam merumuskan peranan yang lebih berkesan dan menyeluruh. Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri, Pusat Islam Malaysia, Institusi Tadbiran Awam Malaysia (INTAN), Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan agama, Institut Kefahaman Islam (IKIM), pihak media massa terutamanya Radio-Television, akhbar, majalah-majalah, pusat-pusat pengajian dan lain-lain badan dan pertubuhan sehinggalah kepada setiap individu, masing-masing hendaklah mengenal pasti dan merancang penglibatannya berdasarkan tiap-tiap satu daripada objektif-objektif seperti yang dinyatakan sebelum ini. Atau satu cara lain ialah berdasarkan langkah-langkah, program-program dan strategi yang disusun rapi.

Sepanjang pengamatan penulisan setakat ini belum mendapat bukti-bukti nyata yang menunjukkan kesungguhan dalam melaksanakan peranan-peranan penting sama ada oleh pihak-pihak atasan mahupun orang perseorangan dalam menjalankan tugas penerapan nilai-nilai Islam ini. Apa yang didapati hanyalah atas kadar yang amat terbatas dan tidak memuaskan. Ini mungkin kerana kurangnya kefahaman tentang konsep DPNI itu sendiri dan agak kurang juga keyakinan di kalangan banyak pihak terhadap kebaikan dasar ini.

Walaupun DPNI ini dilancarkan sejak lebih dari 10 tahun, namun komitmen yang berterusan dalam budaya hidup yang diperlukan masih belum nyata. Dalam pada itu kita amat berterima kasih terutama kepada Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri sebagai agensi Kerajaan Persekutuan telah memainkan peranan menerang dan menjelaskan tentang dasar ini. Beberapa risalah telah diterbitkan di samping menganjur dan menjalankan beberapa kursus, seminar, ceramah dan majlis penerangan berkaitan dengan dasar ini di seluruh negara.<sup>4</sup>

RTM, TV3, akhbar-akhbar dan majalah-majalah utama sebagai pihak media massa dan Kementerian Penerangan juga telah memperlihatkan peranannya tentang penerapan nilai-nilai Islam ini walaupun kadang-kadang tenggelam dalam nilai-nilai budaya jahiliyah. Walau bagaimanapun, dasar ini bergantung kepada beberapa faktor untuk kejayaannya. Antaranya termasuklah *political will*, peruntukan kewangan yang cukup, jentera pelaksanaan yang sesuai dan cekap, dan kesanggupan kumpulan sasaran menerima dasar ini. Sekiranya faktor-faktor ini tidak wujud sekaligus dan saling membantu, sukar baginya untuk berjaya. Tetapi kesukara ini tidak patut dijadikan alasan untuk mengabaikan pelaksanaan dasar ini, sebaliknya langkah-langkah mesti

dicari untuk menjayakannya. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pemimpin di semua peringkat untuk mengambil langkah-langkah yang wajar bagi melaksanakannya, dan setiap individu yang menyedari akan kepentingan nilai-nilai ini pula perlu menghayatinya dengan sepenuh hati sejajar dengan tanggungjawab kepada agama, nusa dan bangsa.<sup>5</sup>

### **Neraca Keberkesanan**

Menurut al-Qur'an, kecemerlangan dan matlamat hidup bahagia adalah apabila mencapai taraf "*khaira ummah ukhrijat li al-nas*" dengan tiga ciri utama:

1. Melaksanakan pemerintahan secara makruf.
2. Mampu membentasi mungkar.
3. Kepercayaan kepada Allah.<sup>6</sup>

Ketiga-tiga kategori kejayaan ini perlu mendapat perhatian ketika sesuatu penilaian dibuat terhadap pelaksanaan DPNI itu. Tujuannya ialah untuk memastikan bahawa pencapaian dasar ini benar-benar berlaku dan kalau tidak mestilah dicari dan dikenal pasti masalah yang dihadapi dalam pelaksanaannya. Sehubungan dengan ini Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob berkata:

*"Semenjak pelancaran dasar ini belum ada satu kajian menyeluruh dijalankan tentang kefahaman pegawai-pegawai pentadbir dalam jabatan-jabatan kerajaan tentang nilai-nilai Islam dan sejauh mana dasar ini telah dilaksanakan"*<sup>7</sup>

Kata beliau lagi:

*"Sebuah penal telah dibentuk bagi mengkaji sejauh mana program nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan telah dijalankan dan tahap kefahaman pegawai-pegawai pentadbir dalam jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan tentang nilai-nilai Islam"*<sup>8</sup>

Selanjutnya beliau telah membawa data-data kajian yang telah dikumpul melalui borang soal selidik yang telah dihantar kepada responden dari bulan Januari hingga Mei 1993. Responden terdiri dari pegawai-pegawai pentadbir jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun di Semenanjung Malaysia. 974 borang soal selidik telah dikembalikan, 801 orang responden beragama Islam, dan 173 orang lagi yang bukan beragama Islam. Hasil keseluruhannya kedua-dua kategori responden menganggap DPNI adalah sangat penting diterapkan dalam pentadbiran Kerajaan.<sup>9</sup>

Menurut laporan yang dibuat dalam *Ringkasan Penemuan Kajian tentang Perlaksanaan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam*, yang dikeluarkan oleh IKIM, 10 bahawa peratusan pegawai-pegawai Islam yang melaporkan terdapat kesan-kesan positif terhadap diri mereka hasil dari program penerapan nilai-nilai Islam adalah tinggi. Demikian juga peratusan pegawai-pegawai bukan Islam. Antara kesan-kesan positif di kalangan pegawai-pegawai Islam ialah lebih ikhlas dalam menjalankan tugas, lebih

baik hubungan dengan orang ramai dan lebih bekerjasama dengan rakan-rakan sejawatan. Antara kesan-kesan positif pegawai-pegawai bukan Islam ialah lebih bertanggungjawab dalam menjalankan tugas, lebih menghormati ketua, lebih baik hubungan dengan orang ramai, lebih bekerjasama dengan pegawai-pegawai sejawatan dan lebih bersyukur (berterima kasih) terhadap ganjaran dan kemudahan yang diberi.

### **Pencapaian Matlamat**

Matlamat akhir Penghayatan Nilai-nilai Islam atau Nilai-nilai Murni di kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan Kerajaan ialah untuk pembentukan Etika Kerja Islam. <sup>11</sup> Etika Kerja Islam adalah seperti berikut:

- i. Bekerja dengan azam mengabdikan diri kepada Allah.
- ii. Bekerja dengan ikhlas dan amanah.
- iii. Bekerja dengan tekun dan cekap.
- iv. Bekerja dengan semangat gotong-royong dan musyawarah serta berpadu fikiran.
- v. Bekerja dengan matlamat kebahagiaan manusia sejagat. <sup>12</sup>

Soalnya, sejauhmanakah matlamat ini telah dicapai hingga kini? Pencapaiannya dari persepsi penulis buat masa ini belum dapat dipastikan. Ini adalah kerana kajian sistematik belum dijalankan, lagipun bagi memastikan keberkesanan pencapaian sesebuah dasar seperti ini memerlukan perubahan sikap, nilai-nilai dan budaya kerja seluruh rakyat Malaysia. Dalam hal ini peranan Perkhidmatan Awam Malaysia bukan sahaja sebagai pelaksanaan dasar dan program pembangunan negara, tetapi juga sebagai agen perubahan budaya bagi melengkapkan rakyat dengan pelbagai persediaan yang perlu untuk menghadapi cabaran-cabaran di masa hadapan. Gerakan pembaharuan mental secara besar-besaran perlu dipertingkatkan, bimbingan melalui contoh tauladan yang menyakinkan dan kualiti perkhidmatan juga perlu dipertingkatkan ke tahap yang boleh dijadikan model ikutan kepada kumpulan sasaran yang hendak dibangunkan. Budaya kerja yang perlu diwujudkan hendaklah berkeupayaan menerajui perubahan sikap dan pemikiran rakyat keseluruhannya.

Untuk pencapaian matlamat DPNI ini juga memerlukan ubahsuaian dalam falsafah pengurusan demi untuk membentuk kesatuan dalam arah pemikiran dan arah perjuangan. Bagi Perkhidmatan Awam Malaysia gerakan secara terancang sedang berlaku ke arah menjadikannya sebagai sebuah Perkhidmatan Awam yang terbaik di dunia. Menurut Dato' Syed Alwi Syed Nordin<sup>13</sup> bahawa kesungguhan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara sendiri melibatkan diri mereka secara langsung dalam gerakan ini memberikan keyakinan kita untuk mencapai kejayaan. Menurutnya lagi, ia memerlukan keyakinan diri dan komitmen yang berterusan di kalangan semua anggota perkhidmatan awam serta sokongan rakyat keseluruhannya. Menurutnya lagi, dalam kita bergerak maju meningkatkan kualiti perkhidmatan, kita masih berhadapan dengan pelbagai isu dan masalah yang belum selesai, yang antaranya seperti berikut:

- a. Tahap penglibatan orang-orang Melayu yang masih rendah dalam bidang perniagaan dan perusahaan.
- b. Kadar kemiskinan yang masih tinggi di kalangan penduduk luar bandar.
- c. Gejala-gejala keruntuhan akhlak di kalangan anak muda.
- d. Penyalahgunaan dadah.
- e. Kelemahan anak-anak Melayu di bidang pelajaran.
- f. Kurang kefahaman mengenai agama Islam, dan
- g. Keperluan untuk meningkatkan budaya penyayang.

### **Cadangan**

Dalam hal ini Perkhidmatan Awam yang berkualiti hendaklah berupaya menangani masalah-masalah seperti ini dengan berkesan. Falsafah pengurusan hendaklah jelas menjurus ke arah perubahan budaya secara meluas. Ia hendaklah memberi tumpuan kepada tujuan mewujudkan dan meningkatkan budaya kerja yang bertanggungjawab dan cemerlang, konsep kebertanggungjawaban hendaklah menjadi tunjang amalan harian. Kita perlu memupuk rasa bertanggungjawab kepada Tuhan dan berusaha menyempurnakan sesuatu tugas yang diamanahkan dengan cemerlang. Falsafah pengurusan dan budaya kerja tersebut perlu dibangun berasaskan semangat berpasukan dan kepercayaan bahawa setiap peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sempurna melalui gandingan dua faktor utama, iaitu keyakinan diri dan komitmen berterusan. Kekuatannya pula hendaklah dibina dan diperkukuhkan dengan sistem nilai yang unggul, iaitu nilai iman dan taqwa.

### **Kesimpulan**

Untuk meringkaskan perbincangan, keberkesanan DPNI perlu dikaji dari masa ke semasa bagi mengesan kekuatan dan kelemahannya yang kemudiannya boleh dijadikan asas penilaian dan penyusunannya semula. Dengan demikian satu usaha perlu diadakan untuk mempertingkatkan pencapaian matlamat dasar ini. Rancangan jangka pendek dan jangka panjang yang praktikal hendaklah dibuat berdasarkan matlamat dan keperluan tertentu serta diukur dengan kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti. Dengan perancangan yang jitu dan polisi yang jelas serta pelaksanaan yang agresif, insya-Allah, segala kelemahan yang dialami akan dapat diatasi dengan baik.

NOTA HUJUNG

1. Diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Kuala Lumpur, beberapa bulan selepas siri 1, (1985). Lihat sama, INTAN, *Dasar-dasar Utama Kerajaan Malaysia*, Ampang Jaya, Selangor, 1988, hal-hal. 94-95.
2. Untuk penjelasan lanjut mengenai konsep DPNI ini, lihat Mohd. Noor Deris, "Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam di Malaysia: Antara Cabaran dan Harapan", *Jurnal Syariah*, Jil. 4, Bil. 1, Januari 1996.
3. Al-Ghazzali, *Ihya' Ulum al-Din*, Beirut, 1357H., Juz. 1, hal. 17.
4. Lihat Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob, Kertas Kerja 1, Seminar Penghayatan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran Peringkat Kebangsaan, Pusat Islam Malaysia, 29-30 April 1994, hal. 7.
5. Lihat INTAN, *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*, Kuala Lumpur, 1993, hal-hal. 213-314.
6. Rujuk al-Qur'an, surah *Ali 'Imran* (3) ayat 110.
7. Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob, Kertas Kerja 1, *op. cit.*, hal. 7.
8. *Ibid.*
9. *Ibid.*, hal. 8.
10. Seperti yang dinukilkan oleh Dr. Abdul Monir Yaacob dalam Kertas Kerja 1, *op. cit.*, hal 11.
11. Lihat, Hj. Zainal Abidin bin Abd. Kadir, Kertas Kerja 3, Seminar Penghayatan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran Peringkat Kebangsaan, Pusat Islam Malaysia, 29-30 April 1994.
12. Untuk mendapat penghuraian kelima-lima garis umum Etika Kerja Islam ini sila lihat, *Ibid.*, hal-hal. 19-25.
13. Lihat Dato' Syed Alwi Syed Nordin, Kertas Kerja II, Seminar Penghayatan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran Peringkat Kebangsaan, 29-30 April 1994, di Pusat Islam Malaysia, hal. 11.
14. *Ibid.*, hal-hal. 11-12.